Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From:	CEDI
Sent:	Selasa, 26 September 2017 5:02 ptg
To:	UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc:	Dr. Mohd Najib Bin Mansor; Jauriyah bt. Shamsuddin; Dr. Abd. Rahim b. Jaguli
Subject:	CEDI DAN UPUK JALIN KERJASAMA ANJURKAN KURSUS ASAS PERAKAUNAN DAN PERCUKAIAN KEPADA USAHAWAN PKS KEDAH

Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi
CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT INSTITUTE
Universiti Utara Malaysia

26 September 2017 / 6 Muharam 1438 Hijrah
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

CEDI DAN UPUK JALIN KERJASAMA ANJURKAN KURSUS ASAS PERAKAUNAN DAN PERCUKAIAN KEPADA USAHAWAN PKS KEDAH

CEDI ONLINE : Unit Pembangunan Usahawan Negeri Kedah (UPUK) dengan kerjasama Institut Pembangunan Keusahawaan dan Koperasi (CEDI) telah mengadakan kursus Asas Perakaunan dan Percukaian pada 20 September 2017 bertempat di Institut Pengurusan dan Integriti (INSPIN).

Kursus ini berjaya menarik minat seramai 32 usahawan Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) sekitar negeri Kedah untuk memperkasa Ilmu Perakaunan dan Percukaian bagi memperkemaskan lagi sistem rekod kewangan mereka serta mempelajari kemahiran tambahan berkaitan sistem cukai terutama dalam perniagaan. Di antara perniagaan yang dijalankan oleh peserta adalah Cafe, Minuman Kesihatan, Kedai Jahitan dan lain-lain.

Pihak CEDI telah menjemput dua tenaga pakar untuk mengendalikan kursus ini iaitu Dr. Hazeline bt. Ayoup dan Dr. Noraza Bt Mat Udin, pensyarah dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Intan Syafinaz (TISSA).

Para peserta amat berbesar hati kerana dapat menyertai kursus ini dan berharap pihak UPUK dan CEDI UUM dapat menyediakan kursus seumpama ini pada masa hadapan.

Pada akhir kursus ini, Pegawai Penyelaras UPUK, En. Roslan Mohamed telah hadir dan seterusnya menyempurnakan majlis penyampaian sijil pernyertaan kepada semua peserta yang hadir.

Tamat.

==========

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my

Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.